

GARIS PANDUAN PAPAN TANDA DALAMAN **(INTERNAL SIGNAGE)**

PENDAHULUAN

Garis panduan ini adalah untuk digunapakai sebagai panduan teknikal pada papan tandan dalaman di seluruh PTj. Sebagai tanda aras, garis panduan ini tidak boleh dipinda tanpa sebarang kebenaran dan persetujuan pihak tertentu. Ini menjadikan identiti kepada Universiti Malaya dan warga Universiti Malaya dan panduan seluruh komuniti di dalam dan luar kampus.

Makluman perlu jelas, terang dan mudah difahami. Papan tanda dalaman yang diberikan akan memberi panduan dan hala tuju kepada pengunjung .

PERKARA YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN

- Pastikan tahap pandangan untuk papan tanda dalaman perlu jelas untuk seseorang berdiri dan duduk.
- Pastikan papan tanda dalaman berdasarkan arah halatuju dan perubahan halatuju serta kedudukan papan tanda ditempatkan di kedudukan yang betul.
- Buang papan tanda lama atau yang menghalang penglihatan kerana ia mungkin mengelirukan.
- Fikirkan ayat yang akan digunakan. Penggunaan dwi-bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) adalah digalakkann. Elakkan penggunaan tulisan yang sukar dibaca/difahami dan simbol yang tidak difahami.
- Pertimbangkan ukuran tulisan dan simbol yang digunakan agar tidak terlalu besar atau kecil.
- Pastikan warna latarbelakang , tulisan dan simbol mematuhi piawaian yang telah JPPHB tetapkan.
- Perlu diambil perhatian kedudukan pancaran dan patulan cahaya matahari dan lampu kerana kelemahan pancaran lampu akan mencacatkan dan mengubah warna latarbelakang, tulisan dan simbol.

LOKASI PAPAN TANDA

Papan tanda haruslah ditempatkan pada aras penglihatan mata supaya boleh bertindak cepat kepada maklumat diberikan. Ia haruslah ditempatkan dikedudukan yang betul bagi memudahkan mencari lokasi dengan cepat, tepat dan berkesan. Kedudukan papan tanda yang salah akan menyebabkan tersalah tempat yang dituju, hilang arah, membuang masa dan tenaga.

Untuk papan tanda di pintu, kedudukannya hendaklah di tengah-tengah jarak lebar pintu 1500mm dari aras lantai.

JARAK PENGLIHATAN

Kedudukan papan tanda pada purata jarak penglihatan untuk seseorang berdiri atau berjalan adalah pada ketinggian 1500mm dari aras lantai dari jarak penglihatan 1000mm hingga 1800mm.

Untuk OKU yang menggunakan kerusi roda jarak penglihatan ialah 1200mm dari aras lantai dari jarak penglihatan 1000mm hingga 1800mm.

PAPAN TANDA

Penggunaan bahan papan tanda hendaklah mengikut kesesuaian tempat - (Ikut Lukisan Terlampir sebagai panduan)

Petunjuk Lantai Utama	-	Aluminium
Petunjuk Bilik, Nama Bilik, Tandas, Surau	-	Arcrylic
Petunjuk Nama di Pintu	-	Aluminium
Petunjuk di Luar Bangunan	-	Arcrylic untuk mengelak kecurian

WARNA

Papan tanda mestilah menggunakan warna : (reverse silkscreen for text and graphic)

Untuk Tulisan: Putih (Bahasa Melayu) dan Kuning (Bahasa Inggeris) Pantone 102c

Latar Belakang untuk Tulisan : Biru Gelap Pantone 287c

Grafik Pucuk Rebung : Biru Gelap Pantone 287c

Latar Belakang untuk Grafik : Kuning Pantone 102c

TULISAN

Tulisan Bahasa Melayu harus berwarna putih di bahagian atas dan tulisan Bahasa Inggeris berwarna kuning (condong) di bahagian bawah. Gunakan saiz dan tulisan (Arial Bold) yang telah ditetapkan.

ANAK PANAH

Anak panah salah satu petunjuk yang penting di dalam papan tanda. Penggunaan dan kedudukan anak panah haruslah betul dan bersesuaian. Ia biasanya digunakan untuk Papan Tunjuk Arah dan Papan Lantai Utama. Saiz anak panah juga haruslah bersesuaian dengan tulisan dan grafik di papan tanda.

ARAS PAPAN TANDA DARI LANTAI

Lekat di Pintu	-	1500mm dari aras lantai
Lekat di Dinding	-	1500mm dari aras lantai
Untuk yang Bergantung	-	2100mm dari aras lantai